

TAEKWONDO

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang World Taekwondo (WT) dan Peraturan Am Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan secara individu.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Perkara 5.0. di dalam Peraturan Am Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) adalah di rujuk.
- 3.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar seramai tidak lebih dari dua (2) orang peserta bagi setiap kategori.
- 3.3 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum permainan bermula.

4.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 4.2 Peserta-peserta yang pernah mewakili UiTM di dalam Kejohanan Sukan MASUM akan diberi keutamaan sebagai peserta pilihan.
- 4.3 Peserta-peserta yang pernah mewakili negeri atau negara atau mempunyai rekod cemerlang juga akan diberi keutamaan.
- 4.4 Pasukan yang menghantar 2 orang peserta bagi setiap kategori, kedudukan pertandingan akan diasingkan (satu di atas dan satu di bawah).

5.0 KATEGORI PERTANDINGAN

5.1 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

5.1.1 Acara Kyorugi (Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati)

5.1.2 Kategori yang di pertandingkan adalah: -

KATEGORI LELAKI	KATEGORI WANITA
FIN (Tidak lebih 54 kg)	FIN (Tidak lebih 46 kg)
FLY (54 kg – 58 kg)	FLY (46 kg – 49 kg)
BANTAM (58 kg – 63 kg)	BANTAM (49 kg – 53 kg)
FEATER (63 kg – 68 kg)	FEATER (53 kg – 57 kg)
LIGHT (68 kg – 74 kg)	LIGHT (57 kg – 62 kg)
WELTER (74 kg – 80 kg)	WELTER (62 kg – 67 kg)
MIDDLE (80 kg – 87 kg)	MIDDLE (67 kg – 73 kg)
HEAVY (87 kg ke atas)	HEAVY (73 kg ke atas)

5.2 Acara Poomsea

5.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara penilaian berkumpulan.

5.2.2 Hanya satu penyertaan bagi setiap kategori poomsae dan seorang peserta dibenarkan menyertai satu kategori sahaja.

5.2.3 Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- a. Individu Lelaki
- b. Individu Wanita
- c. Berpasukan Lelaki
- d. Berpasukan Wanita
- e. Berpasukan Campuran

- 5.2.4 Lapan (8) peserta terbaik akan layak ke pusingan separuh akhir, empat (4) peserta terbaik akan ke pusingan separuh akhir & dua (2) peserta terbaik akan ke pusingan akhir.
- 5.2.5 Bagi acara poomsae taeguk yang akan di pertandingan adalah seperti berikut:
- Persembahan Pertama
- a. Taeguk 6, 7, 8
 - b. Koryo
- Persembahan Kedua
- a. Geumgang
 - b. Taeback
 - c. Pyongwon
 - d. Sipjim
- 5.2.6 Peserta akan mempersembahkan 2 taeguk bagi setiap pusingan dan undian akan dijalankan semasa mesyuarat pengurus pasukan.

6.0 MASA

Masa bagi setiap pusingan adalah selama **dua (2) minit** dan tiga (3) pusingan akan diperuntukan **(2-1-2-1-2)** untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.

7.0 BANTAHAN / TATATERTIB

Sila rujuk Perkara 14.0, 16.0 dan 17.0 Peraturan Am.

8.0 SESI TIMBANG

- 8.1 Peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang sehari sebelum pertandingan bermula **bagi acara kyorugi**.
- 8.2 Berat semua peserta mestilah tepat mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan kategorinya sekiranya melebihi atau bawah berat.
- 8.3 Sesi Timbang Berat Khas akan dijalankan sebelum pertandingan berlangsung kepada peserta yang tidak dapat hadir pada Sesi Timbang Rasmi dengan kebenaran dari Pengerusi Permainan dan bahan sokongan berkaitan.

9.0 KELEWATAN

Sebanyak TIGA (3) panggilan akan diberikan kepada peserta yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

10.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.